

4 April 2022

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

PER: FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga TeamNorthport.

Berdasarkan kepada kenyataan media YAB Perdana Menteri bertarikh 8 Mac 2022, negara kita telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik yang bermula pada **1 April 2022**. Selaras dengan itu, beberapa pindaan untuk Prosedur Operasi Standard (SOP) di Northport akan dilaksanakan seperti berikut:

Inisiatif yang Masih Berkuatkuasa dan Diaktifkan Semula :

1. Pemakaian pelitup muka.
2. Daftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera.
3. Penjarakan fizikal.
4. Sesi taklimat keselamatan "*Safety Induction*" semasa proses permohonan Pas Pelabuhan.

Inisiatif yang Dimansuhkan :


1. Pemeriksaan suhu di pintu masuk Northport.
2. Larangan mesyuarat atau perbincangan dan aktiviti berkumpulan secara bersemuka/fizikal.

Walau bagaimanapun, individu yang ingin menghadiri aktiviti berkumpulan secara bersemuka/fizikal perlu menjalani ujian sendiri RTK COVID-19 (*pre-event test*) terlebih dahulu dan individu yang bergejala adalah tidak dibenarkan untuk hadir.

Saya ingin menasihatkan agar semua kakitangan untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dan sentiasa mengamalkan kawalan sendiri.

Sekian, terima kasih.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif